



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 10 JUN 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5. 6.	MAFI SERAH BANTUAN KEPADA 'FRONTLINERS' DI MAEPS, SH -ONLINE GOVT READIES FOOD SECURITY PLAN, NEWS/NATION, NST -12 LIMA MATLAMAT STRATEGIK PERKUKUH SISTEM MAKANAN NEGARA, UM - ONLINE PELAN TINDAKAN DSMN 2021-2025 PERKUKUH SISTEM MAKANAN NEGARA, SH - ONLINE PERKUKUH SISTEM MAKANAN NEGARA, NASIONAL, SH -11 MAFI SERAH BANTUAN KEPADA FRONTLINERS DI MAEPS, NASIONAL, SH -11	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
7.	TERENGGANU FISHERIES DEPT SEIZED FISH TRAPS, RAY NETS IN MARINE PARKS, HOME, BORNEO POST (KUCHING) -9	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8.	FAMA BANTU PASAR 300 TAN LABU MANIS, NEGERI PAHANG/SELANGOR/KL, SH -23	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9.	'PERANG LAKSA' BAWA REZEKI BUAT JUNAIDI, DALAM NEGERI, UM -33	PERTUBUHAN PELADANG KAWASAN (PPK)
10. 11. 12. 13. 14. 15.	CM: MEASURES WILL MITIGATE RECLAMATION EFFECTS, NEWS/NATION, NST -12 PROJEK PSR BERI KEHIDUPAN BAHARU NELAYAN PULAU PINANG, NASIONAL, BH -16 LEMBU TAK LAKU, MUKA DEPAN, KOSMO -1 TEMPAHAN LEMBU KORBAN DINGIN, NEGARA, KOSMO -2 HARGA BAHAGIAN KORBAN LEBIH MAHAL, NEGARA, KOSMO -3 KERAJAAN DIGESA UMUM SEGERA SOP IBADAH KORBAN, NEGARA, KOSMO -3	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

MAFI serah bantuan kepada 'frontliners' di MAEPS



Ahmad Hamzah (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan bantuan MAFI kepada Dr Shahabuddin (dua dari kanan) di PKRC MAEPS Serdang pada Rabu.

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada petugas barisan hadapan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Bersepadu (PKRC), Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang pada Rabu.

Menurut satu kenyataan, bantuan MAFI Prihatin merupakan hasil sumbangan dan tanggungjawab sosial pelbagai jabatan dan agensi di bawah MAFI seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang menyumbangkan produk makanan 'Agromas Ready To Eat'.

"Selain produk makanan, turut disampaikan ialah tajaan beras oleh pihak MARDI Corporation bertujuan untuk membantu meringankan beban petugas barisan hadapan yang terkesan dengan penularan Covid-19," menurut kenyataan tersebut pada Rabu.

Bantuan MAFI Prihatin itu disampaikan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah kepada Pengarah PKRC MAEPS, Dr Shahabuddin Ibrahim.

Turut hadir dalam sesi penyerahan ialah Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah MAEPS 2.0 diaktifkan semula pada 6 Disember 2020 berikutan peningkatan mendadak kes Covid-19 dan pelaksanaan program saringan pekerja asing oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

PKRC Bersepadu MAEPS 2.0 yang kini beroperasi di sembilan buah dewan, boleh menampung sehingga 5,000 pesakit pada satu-satu masa dan merawat lebih 100,000 pesakit dalam masa enam bulan.

Pengurusan PKRC Bersepadu MAEPS melibatkan kolaboratif bersama 18 buah agensi diterajui bersama Agensi Pengurusan Bencana Negara Malaysia (Nadma) dan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (SUK) dengan kekuatan anggota harian seramai 1,394 kakitangan.

AVERTING FOOD CRISIS

GOVT READIES FOOD SECURITY PLAN

Boosting tech use, research, data security, governance and collaboration are its 5 thrusts

MURADZAMAN DADA
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE National Food Security Action Plan 2021-2025, which is expected to be launched by Prime Minister Tan Sri Muhyiddin Yassin soon, would focus on cre-

ating a sustainable food system. The Agriculture and Food Industry Ministry yesterday said five strategic thrusts had been identified to achieve this — expanding technology use, enhancing study and research, strengthening food security data, expanding strategic collaboration and strengthening governance among departments and agencies.

The ministry said Muhyiddin on Tuesday chaired a meeting of the Cabinet Committee on National Food Security, where the draft of the plan was principally agreed upon.

The implementation of the action plan would be guided by 15 strategies and 96 initiatives

across several government agencies and ministries.

“Among them are food accessibility and affordability in the market, improving domestic food production, apart from reducing dependence on food imports and foreign labour, thus ensuring the country’s preparedness to face food security crises.

“The action plan will focus on all the four food security dimensions, namely availability, access, consumption, and stability and sustainability, in accordance with those outlined by the United Nations’ Food and Agriculture Organisation.”

The action plan would also reflect the government’s “whole of

society” aspiration, which supported efforts by the private sector, non-governmental organisations, state governments and the people in enhancing the country’s food security, said the ministry.

The committee also agreed on steps to control the import and transit of livestock and their products.

This, it said, included stepping up monitoring of imported meat, starting from entry into the country right to the retail level.

Also presented were papers on progress of the Smart Padi Field Programme, which involves industry players in improving padi yields to achieve the 75 per cent rice self-sufficiency target.

set under the 12th Malaysia Plan.

The meeting also studied a paper on Malaysia’s performance in the 2020 Global Food Security Index, and its analysis was also taken into consideration in preparing the action plan.

Malaysia ranked 43rd in the index, which was published earlier this year based on, among others, food affordability and availability, as well as quality and safety.

“The ministry, under the 12th Malaysia Plan, will emphasise initiatives to increase production, strengthen support systems and services, as well as the food chain in achieving overall food system sustainability.”

Teluk Kumbar on Penang’s south coast pictured in 2019. The coastal town is expected to be affected by the Penang South Islands project. FILE PHOTO



ARTIFICIAL ISLANDS

CM: Measures will mitigate reclamation effects

GEORGE TOWN: Penang will push ahead with the controversial Penang South Islands project (previously called Penang South Reclamation) despite objections.

Chief Minister Chow Kon Yeow said the state agreed with the project’s detractors, the latest being PKR leaders and ministers, that climate change and protecting the welfare of fishermen had to be considered.

He said many mitigation measures were being carried out, including a socio-economic plan for fishermen and introducing green initiatives for the PSI.

“We never denied that the project will have an impact, but we have always shared with the people how we intend to mitigate them, create new habitats for marine life and provide more job and business opportunities for fishermen and other locals,” he said.

Chow’s comments come a week after PKR’s Permatang Pauh member of parliament, Nural Izah Anwar, called for the cancellation of the project. Since then, other politicians and groups have voiced their objection to the project.

Chow said PSI would bring many socio-economic benefits to Penang greater than monetary returns.

He said job creation and economic growth, stimulated by domestic and international investments, would give financial stability and security to the people, while green initiatives, like low-carbon developments and transport, use of renewable energy and provision of open spaces, would improve livability and public wellbeing for decades.

“We strongly believe we are able to achieve all the above while

also being fully compliant with the stringent approval conditions imposed by the Department of Environment.”

He said the government should not set a precedent of revoking an approval despite the project meeting all conditions.

The PSI envisages three man-made islands off the island’s south coast. The resulting 1,621ha of land would be sold to fund the ambitious RM46 billion Penang Transport Master Plan, involving new highways, rail transit systems, skytaxi and an undersea tunnel.

DETAINEE ABUSE

Cop held for alleged sex assault on female suspect

KOTA BARU: A policeman was arrested for allegedly raping and forcing a 27-year-old female suspect to perform oral sex on him last Saturday.

The narcotics division policeman was detained after a report was lodged by the victim yesterday.

The woman said the incident happened about 3pm on Saturday in the suspects room of the Kota Bharu district police station.

The single mother of two and her ex-husband were being held following their demand for seven days for the possession of syabu and other pills last Friday.

Kelantan Criminal Investigation Department chief Wan Khairuddin Wan Idris confirmed the case and said the 29-year-old policeman had been remanded for four days from yesterday for investigation.



Wan Khairuddin Wan Idris

Ta fo
KU Ma Tai wit fer tra dia ma sai bet coo ing ers sai cot the LK wh wo th
Un SU
KO ses Un ch no res sul Ch pe the Au pol rer Tu str Th to l v n pas
Ka Ke
AL tur the ves ma pol chi rar lice Ha hu hel ber stu Co Da the Ko (Pe Fat sor

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

Lima matlamat strategik perkukuh sistem makanan negara



Satu daripada lima strategi adalah memperluaskan penggunaan teknologi dan pemerksaan kajian dan penyelidikan dalam industii makanan-GAMBAR HIASAN

KUALA LUMPUR: Kerajaan bersetuju untuk memperakukan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025 berteraskan lima matlamat strategik untuk memperkukuh daya tahan sistem makanan negara.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan satu dalam satu kenyataan berkata, lima teras utama iaitu memperluaskan penggunaan teknologi dan pemerksaan kajian dan penyelidikan, memperkasakan data sekuriti makanan, memperluaskan kerjasama strategik dan mengukuhkan tadbir urus jabatan dan agensi.

Kata kenyataan itu lagi, pelan tindakan itu menumpukan empat dimensi sekuriti makanan iaitu ketersediaan, akses penggunaan serta kestabilan dan kemampunan seiring dengan dimensi sekuriti makanan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa Bangsa-Bang Bersatu (PBB).

Malah, pelaksanaan pelan tindakan yang dipacu menerusi 15 strategi dan 96 inisiatif merentasi agensi dan kementerian dijangka menyumbang kepada pelbagai hasil yang disasarkan.

“Antaranya keberadaan makanan yang selamat dengan harga berpatutan di pasaran, meningkatkan pengeluaran makanan secara domestik selain mengurangkan kebergantungan kepada makanan dan guna tenaga asing.

“Pelan tindakan ini turut memaparkan aspirasi keseluruhan masyarakat yang didukung oleh kerajaan menerusi galakan kepada pihak swasta, pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kerajaan negeri dan rakyat untuk turut serta menyahut usaha memperkukuh sekuriti makanan segera,” katanya di sini hari ini.

Keputusan itu dibuat menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Segera (FSCC) Kali Ke-2 Bilangan 1 Tahun 2021 secara sidang video semalam (8 Jun) dan dipengerusikan oleh Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Selain itu, kementerian tersebut berkata, mesyuarat juga bersetuju mengenai langkah-langkah kawalan dan penguatkuasaan berkaitan aktiviti import dan transit produk haiwan serta startegi termasuk operasi bersepadu bagi memantau dan mengawal aktiviti pengimportan daging bermula dari pintu masuk sehingga ke peringkat runcit.

“Mesyuarat juga bersetuju mekanisme baharu bagi menangani isu kekurangan bekalan dan memastikan harga bawang di negara ini menjadi lebih stabil,” katanya lagi.

Dalam pada itu, kerajaan turut membentangkan kertas makluman berkenaan status pelaksanaan program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) melibatkan pemain industri sendiri dalam

meningkatkan produktiviti industri padi negara dan prestasi negara dalam Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) 2020.

Program berkenaan dijangka akan membantu negara mencapai sasaran Tahap Sara Diri (SSL) beras yang telah ditetapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) sebanyak 75 peratus.

“Secara keseluruhan, prestasi sekuriti makanan berada dalam kedudukan yang baik. Inisiatif-inisiatif yang digariskan dalam pelan tindakan ini turut mengambil kira analisis terhadap sekuriti makanan negara berdasarkan GFSI,” katanya. – UTUSAN ONLINE

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/6/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Pelan Tindakan DSMN 2021-2025 perkukuh sistem makanan negara



Muhyiddin mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) kali kedua pada Selasa.

SHAH ALAM - Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 sebagai usaha memperkukuh daya tahan sistem makanan negara.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam satu kenyataan berkata, ia berikutan hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) kali kedua yang dipengerusikan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Selasa.

Menurut MAFI, Pelan Tindakan DSMN itu merangkumi lima teras strategik; antaranya perluasan pengguna teknologi; pemerikasaan kajian dan penyelidikan; pemerikasaan data sekuriti makanan; perluasan kolaborasi strategik; serta pengukuhan governans jabatan dan agensi.

“Selain itu, Pelan Tindakan ini juga akan menumpukan kesemua empat dimensi sekuriti makanan iaitu ketersediaan, akses, penggunaan dan kestabilan serta kemampuan.

“Ia seiring dengan dimensi sekuriti makanan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB),” menurut kenyataan itu pada Rabu.

MAFI berkata, kerajaan turut bersetuju mengenai langkah-langkah kawalan dan penguatkuasaan berkaitan aktiviti import dan transit produk haiwan serta strategi termasuk operasi bersepadu.

Menurutnya, ia bertujuan bagi memantau dan mengawal aktiviti pengimportan daging bermula dari pintu masuk sehingga ke peringkat runcit.

“Mesyuarat juga bersetuju dengan mekanisme baharu bagi menangani isu kekurangan bekalan, sekali gus memastikan harga bawang di Malaysia akan jadi lebih stabil,” kata kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, turut dibentangkan di dalam mesyuarat FSCC ialah kertas makluman berkenaan status pelaksanaan program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) melibatkan pihak industri sendiri dalam meningkatkan produktiviti industri padi negara.

Katanya, program tersebut dijangka akan membantu negara mencapai sasaran Tahap Sara Diri (SSL) beras yang telah ditetapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) iaitu sebanyak 75 peratus.

“Justeru, kerajaan akan meneruskan usaha untuk memastikan bekalan makanan negara kekal terjamin dalam apa jua keadaan ke arah meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan hidup rakyat, terutamanya di kala negara mengharungi pandemik Covid-19,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/6/2021	SINAR HARIAN	NASIONAL	11

Perkukuh sistem makanan negara

Pelan Tindakan DSMN 2021-2025 mendapat persetujuan kerajaan

Oleh RAJA NUR FAZNE AIDA

SHAH ALAM

Kerajaan bersetuju untuk melaksanakan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (Pelan Tindakan DSMN) 2021-2025 sebagai usaha memperkukuh daya tahan sistem makanan negara.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam satu kenyataan berkata, ia berikutan hasil Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) kali kedua yang dipengerusikan Perdana Menteri,

Tan Sri Muhyiddin Yassin pada Selasa.

Menurut MAFI, Pelan Tindakan DSMN itu merangkumi lima teras strategik antaranya perluasan penggunaan teknologi; pemerkasaan kajian dan penyelidikan; pemerkasaan data sekuriti makanan; perluasan kolaborasi strategik serta pengukuhan governance jabatan dan agensi.

"Selain itu, Pelan Tindakan ini juga akan menumpukan kesemua empat dimensi sekuriti makanan iaitu ketersediaan, akses, penggunaan dan kestabilan serta kemampuhan.

"Ia seiring dengan dimensi sekuriti makanan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)," menurut kenyataan itu pada Rabu.

MAFI berkata, kerajaan turut bersetuju mengenai langkah-langkah kawalan dan penguatkuasaan berkaitan aktiviti import dan transit produk haiwan serta strategi termasuk operasi bersepadu.



Muhyiddin mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) kali kedua pada Selasa.

Menurutnya, ia bertujuan bagi memantau dan mengawal aktiviti pengimportan daging bermula dari pintu masuk sehingga ke peringkat runcit.

"Mesyuarat juga bersetuju dengan mekanisme baharu bagi menangani isu kekurangan bekalan, sekali gus memastikan harga bawang di Malaysia akan jadi lebih stabil," kata

hingga ke peringkat runcit.

"Mesyuarat juga bersetuju dengan mekanisme baharu bagi menangani isu kekurangan bekalan, sekali gus memastikan harga bawang di Malaysia akan jadi lebih stabil," kata

kenyataan itu.

Menurut kenyataan itu, turut dibentangkan dalam mesyuarat FSCC ialah kertas makluman berkenaan status pelaksanaan program Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) melibatkan pihak industri sendiri dalam meningkatkan produktiviti industri padi negara.

Katanya, program tersebut dijangka membantu negara mencapai sasaran Tahap Sara Diri (SSL) beras yang telah ditetapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) iaitu sebanyak 75 peratus.

"Justeru, kerajaan akan meneruskan usaha untuk memastikan bekalan makanan negara kekal terjamin dalam apa jua keadaan ke arah meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan hidup rakyat, terutamanya ketika negara mengharungi pandemik Covid-19," katanya.

MAFI serah bantuan kepada frontliners di MAEPS

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin kepada petugas barisan hadapan di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Bersepadu (PKRC), Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang pada Rabu.

Menurut satu kenyataan, bantuan MAFI Prihatin merupakan hasil sumbangan dan tanggungjawab sosial pelbagai jabatan dan agensi di bawah MAFI seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) yang menyumbangkan produk makanan 'Agromas Ready To Eat'.

"Turut disampaikan ialah tajaan beras oleh pihak MARDI Corporation bertujuan untuk membantu meringankan beban petugas barisan hadapan yang terkesan dengan penularan Covid-19," menurut MAFI.

Bantuan MAFI Prihatin itu disampaikan Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I, Datuk Seri Ahmad Hamzah kepada Pengarah PKRC MAEPS, Dr Shahabuddin Ibrahim.

Turut hadir dalam sesi penyerahan ialah Ketua Setiausaha Kementerian, Datuk Haslina Abdul Hamid.

Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah MAEPS 2.0 diaktifkan semula pada 6 Disember 2020 berikutan peningkatan mendadak kes Covid-19 dan pelaksanaan program saringan pekerja asing oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

PKRC Bersepadu MAEPS 2.0 yang kini beroperasi di sembilan buah dewan, menampung sehingga 5,000 pesakit pada satu-satu masa dan merawat lebih 100,000 pesakit dalam masa enam bulan.



Ahmad Hamzah (dua dari kiri) menyampaikan sumbangan bantuan MAFI kepada Dr Shahabuddin (dua dari kanan) di PKRC MAEPS Serdang pada Rabu.

Headline	Terengganu Fisheries Dept seizes fish traps, ray nets in marine parks		
MediaTitle	Borneo Post (Kuching)		
Date	10 Jun 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	60,767
Page No	9	Readership	182,301
Language	English	ArticleSize	104 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 709
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 2,127



Terengganu Fisheries Dept seizes fish traps, ray nets in marine parks

KUALA TERENGGANU:

The Terengganu Fisheries Department seized several units of fish traps as well as ray nets (pukat pari) in an operation carried out around Pulau Kapas and Pulau Redang Marine Parks on Tuesday.

Its director Ruzaidi Mamat said a total of 25 enforcement personnel were involved in the three-hour operation carried out by the department's Marine Parks and Resource Management division.

"We managed to detect six fish traps and ray nets about 0.4 nautical miles from Pulau Kapas while two more fish traps were detected about 0.4 nautical miles from Pulau Redang.

"The use of fish traps and ray nets is an offence under Section 43(1)(a) of the Fisheries Act 1985, for catching fish or attempting to catch fish in the

marine park areas.

"The owners of these traps have yet to be identified," he told Bernama yesterday.

The use of fish traps and ray nets is prohibited at the marine park areas as it can affect the marine resource ecosystem and also threaten the safety of turtles that are at risk of being trapped in the nets.

Ruzaidi said the operation was also a follow-up to a report received by his department recently on the death of a female green turtle, believed to have been killed by irresponsible parties to steal her eggs in the waters of Pulau Kapas.

On May 26, Bernama reported the discovery of the carcass of a female green turtle found floating with slash marks on the neck and lower part of the body. — Bernama

10/6/2021

SINAR HARIAN

NEGERI PAHANG/

23

SELANGOR/KL

FAMA bantu pasar 300 tan labu manis

Kesukaran 145 pekebun jual hasil tanaman diatasi, elak lambakan buah

Oleh NORAWAZNI YUSOF

KUANTAN

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang membantu memasarkan sebanyak 300 tan labu manis hasil tanaman 145 pekebun di daerah Pekan.

Pengaruhnya, Noh Nik Wan berkata, kesanggupan pekebun untuk menjual hasil kepada FAMA musim ini membolehkan FAMA membantu memasarkan pengeluaran hasil pertanian berkenaan.

Menurutnya, kaedah ini juga dapat mengelakkan lambakan buah, selain kesukaran mereka untuk menjual hasil tanaman.

“Kita beli hasil mereka berdasarkan harga semasa dan kebanyakan pekebun menjual hasil kepada FAMA setiap tahun.

“Musim kali ini Pusat Khidmat Pemasaran FAMA Kuantan telah menerima antara 10 hingga 11 tan labu untuk dipasarkan kepada peruncit termasuk pemborong dalam dan luar dari Pahang,” katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau menjelaskan kesemua 145 pekebun dari tiga kampung iaitu Kampung Pandan, Kampung Serun dan Kampung Merchong di daerah Pekan adalah peserta ladang kontrak pemasaran FAMA.

MENDEPANI KRISIS
COVID-19:
APA TINDAKAN
KITA?



Noh melihat labu manis yang akan dipasarkan FAMA Pahang selepas membeli hasil itu daripada pekebun di daerah Pekan.

Katanya, setiap pekebun la-dang kontrak pemasaran dibekalkan dengan bekas jaring hijau untuk mengisi buah labu di mana setiap satu diisi dengan buah seberat 20 kilogram yang akan dipindahkan ke Lori.

Beliau menambah, aktiviti pemasaran labu di daerah ini dijangka berterusan selagi tidak dapat permintaan daripada pekebun.

“Program tanaman pokok berkenaan dilakukan secara

berperingkat bagi mengelakkan berlaku lambakan buah dalam satu masa.

“Pada tahun lalu kita hanya dapat membantu memasarkan 250 tan labu manis atau labu emas 868 membabitkan kawasan tanaman seluas lebih 170 hektar,” ujarnya.

Sehubungan itu, Noh berkata, pihaknya turut menyediakan bantuan benih, khidmat nasihat serta mengatur jadual menanam bermula awal tahun.

FAMA Pahang ujarnya akan terus berusaha membantu pekebun terutama membabitkan aktiviti pemasaran dalam memastikan mereka tidak berhadapan masalah hingga menyebabkan berlaku kerugian.

“Pekebun yang berhadapan dengan masalah untuk memasarkan hasil pertanian diminta menghubungi FAMA Pahang bagi menyelesaikan masalah dihadapi secara bersama,” katanya.

10/6/2021

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

33

'Perang laksa' bawa rezeki buat Junaidi

PONTIAN: Dunia maya baru ini heboh seketika apabila warganet 'berperang' mengenai menu laksa Johor dan laksa dari Kedah yang menggunakan ikan berlainan mengikut keistimewaan masing-masing.

Perbalahan itu secara tidak langsung menambah rezeki kepada bekas jurutera elektrik yang mengusahakan tanaman pokok kantan yang bunganya menjadi salah satu ramuan atau bahan penyedap rasa dalam masakan laksa sehingga membangkitkan aroma.

Menurut salah seorang pengusaha tanaman itu, **Junaidi Shaari, 40**, ramai yang mengambilib peluang menambah bilangan pokok kantan terutamanya yang mengusahakan secara kecil-kecilan di sekeliling rumah setelah mendapat permintaan ramai.

Ujar Junaidi, dia kini menanam kira-kira 200 rumpun pokok kantan sejak empat tahun lalu di atas tanah seluas 0.4 hektar yang mampu menghasilkan purata 800 hingga 1,000 bunga kantan dalam masa sebulan.

"Kerja-kerja menanam tanaman tersebut sebenarnya dilakukan secara sambilan sebelum ini

memandangkan dia masih bertugas sebagai jurutera elektrik di sebuah hospital di Johor Bahru sebelum ditamatkan kontrak pada hujung tahun lepas.

"Alhamdulillah, baru-baru ini saya ditawarkan tapak berniaga di Peladang Outlet, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Ayer Baloi di Kampung Parit Panjang bagi menjual bunga kantan dengan harga yang baik," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini, baru-baru ini.

Junaidi berkata, rezeki sempena bulan Syawal itu secara tidak langsung dapat menambah pendapatan keluarga, tambah lagi sedang membesarkan empat orang anak bersama isteri, **Nor Azleen Omar, 40**, yang menjadi pendorong semangat buatnya.

Katanya, dia bercadang untuk menambahkan bilangan tanaman itu kepada 400 rumpun pokok pada masa akan datang di samping turut mengusahakan tanaman kelapa varieti Tacunan sebanyak 80 pokok dengan pengeluaran dijangka 200 biji sebulan.

Sementara itu, **Pengurus Besar PPK Ayer Baloi, Noriman**



JUNAIIDI Shaari menunjukkan pokok kantan yang ditanam di rumahnya di Lorong Sangkar Dua Kecil Ayer Baloi, Pontian, Johor.
- UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

Sewito berkata, bunga kantan yang dihasilkan dari kebun Junaidi dipapari berkualiti tinggi sehingga mendapat permintaan baik daripada orang ramai.

Katanya, PPK bersedia un-

tuk membantu Junaidi dari segi khidmat nasihat mengenai tanaman tersebut selain bantuan seperti bahan input pertanian seperti baja bagi projek akan datang.

* Projek PSR beri kehidupan baharu nelayan Pulau Pinang

Kuala Lumpur: Pekerjaan sebagai nelayan walaupun bahaya, sudah lama menjadi menjadi sumber pendapatan masyarakat di selatan Pulau Pinang untuk menyara kehidupan.

Bagaimanapun, tekanan hidup menyebabkan kehidupan nelayan semakin mencabar hingga memaksa mereka bergantung kepada bantuan kerajaan atau pekerjaan sampingan untuk menampung kos sara hidup yang semakin tinggi.

Ada nelayan yang terpaksa menukar pekerjaan demi kehidupan lebih stabil serta selamat untuk kebaikan keluarga mereka.

Beberapa nelayan dari selatan Pulau Pinang yang kini bekerja dalam pembangunan Projek Tambakan Selatan Pulau Pinang (PSR) baru-baru ini, berkongsi kisah dan pengalaman getir pernah dilalui mereka.

Nur Adam Irfat Anuar, 23, yang membesar dalam sebuah keluarga nelayan di Teluk Kumbar mula membantu datuknya, Idris Ismail, 66, menangkap ikan sejak usia remaja lagi.

Ketika Nur Adam berusia 18 tahun, beliau dan datuknya hampir tergedai nyawa dalam satu kejadian ribut petir ketika di laut.

Sejak itu, Idris berharap supaya dapat pekerjaan yang

lebih selamat.

"Ribut itu satu pengalaman ngeri untuk kami. ombak cukup kuat untuk membelah bot kepada dua. Ketika itu, saya berfikir saya dan Nur Adam akan hanyut.

"Apabila saya mendengar projek PSR mencari pekerja dalam kalangan anak tempatan, saya suruh Adam mendaftar. Saya bersyukur Adam dapat kerja itu," kata Idris.

Adam sudah berkhidmat sebagai pembantu operasi dalam projek PSR selama lebih setahun.

Pengalamannya sebagai nelayan dan pemahamannya terhadap kawasan sekitar selatan Pulau Pinang membantu kerjanya yang membabitkan pemantauan pencemaran di sungai berhamiran tapak PSR, pengambilan sampel air sungai dan membantu operasi harian Pusat Perkhidmatan Sejahtera Nelayan di Gertak Sanggul yang ditubuhkan oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Adam berkata, beliau gembira mendapat pendapatan bulanan yang stabil yang termasuk caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP).

Katanya, pekerja tetap itu juga membolehkannya memohon pinjaman bank. Ini, bertepatan, kebanyakan nelayan tidak layak membuat pinjaman bank

kerana tiada slip gaji dan pendapatan tetap.

"Sekarang saya boleh menabung dan boleh beli motor dan rumah melalui pinjaman bank," katanya yang baru bertunang.

Samsuar Hasshim, 43, dari Teluk Kumbar menjadi nelayan sejak berusia 15 tahun. Pekerjaan itu menyara keluarganya lebih 25 tahun.

Samsuar berkata, beliau membayangkan empat anak yang berusia tiga sehingga 18 tahun dengan pendapatannya yang kecil dan tidak menentu.

"Saya tidak mampu menyimpan duit selepas membeli barang dapur, makanan dan keperluan sekolah. Ia hanya cukup untuk hidup. Namun, lebih mencabar adalah risiko saya hadapi setiap kali saya turun ke laut. Apabila berlaku ribut, saya tidak tahu nasib saya," katanya.

Kehidupan Samsuar kini lebih baik sejak mendapat kerja sebagai pembantu operasi dalam projek PSR seperti Adam lebih setahun yang lalu.

"Saya rasa dengan adanya pembangunan PSR, anak kami akan mendapat lebih banyak peluang pendidikan, latihan dan pekerjaan. Projek PSR ini ada SIMP (Pelan Pengurusan Impak Sosial) yang menawarkan program tuisan yang percuma, skim pendidikan



Mohd Noor (kiri) bersama bapanya.

dan latihan kepada anak nelayan yang berminat," katanya.

Mohd Noor Ismail, 38, pula mula mengikut bapanya Ismail Ahmad, 67, ke laut sejak usia remaja. Beliau tetap bekerja di majanya tetapi beliau tidak mahu terus menjadi nelayan selepas hampir lemas lebih 15 tahun lalu.

"Saya pernah terjatuh ke dalam laut apabila bot yang dimaiki dipukul ombak kuat. Mujur bapa segera membantu dengan membaling tali untuk saya pegang. Sekiranya tali terlepas dari tangan, saya mungkin tiada lagi," katanya.

Mohd Noor berhenti menjadi nelayan pada usia 23 tahun, dan melakukan pelbagai pekerjaan termasuk menjadi pekerja kilang dan pemandu lori sehingga diamatkan perkhidmatannya.

Beliau kemudian menganggur enam bulan sebelum berjaya mendapat kerja sebagai pembantu operasi dalam projek PSR.

"Masa menganggur itu memang pengalaman pahit bagi saya kerana tiada keupayaan untuk menyara keluarga," katanya yang mempunyai tiga anak berusia setahun, sembilan tahun dan 11 tahun.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/6/2021	KOSMO	MUKA DEPAN	1

Lembu tak laku

Penternak gusar tempahan haiwan korban untuk Aidiladha merudum



PERMINTAAN terhadap lembu korban pada sambutan Aidiladha tahun ini merudum teruk ekoran tindakan orang ramai mengambil langkah tunggu dan lihat mengenai prosedur operasi standard (SOP) yang bakal diumumkan kerajaan mengenai pelaksanaan ibadah korban pada tahun ini.

Selain itu, faktor kenaikan harga yang mencecah sehingga RM800 satu bahagian berbanding RM650 pada tahun lalu juga menyumbang kepada kemerosotan tempahan yang didakwa berpunca daripada peningkatan kos dedak import serta jangkitan wabak Lumpy Skin Disease.

► LAPORAN DI MUKA 2 & 3

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
10/6/2021	KOSMO	NEGARA	2

Oleh MOHD. AZLI ADLAN, ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN, MUHAMMAD AYMAN CHAFFA dan NUR ANATI JUHARI



SEORANG penternak lembu di Pulau Pinang membersihkan kandang sebagai rutin harian yang dilakukan untuk menjamin haiwan ternakan bebas daripada sebarang penyakit.

Orang ramai mahu tunggu SOP Aidiladha, penternak resah haiwan tak laku

Tempahan lembu korban dingin

KUALA NERUS - Penternak lembu di seluruh negeri terus dihimpit resah mengenangkan haiwan peliharaan yang dibela menggunakan modal besar tidak laku ketika Aidiladha tinggal enam minggu sahaja lagi untuk diraikan.

Lebih teruk, rata-rata peniaga yang ditemui mengakui mereka kini 'terduduk' dengan situasi tersebut apabila kerajaan masih belum mengeluarkan sebarang prosedur operasi standard (SOP) mengenai ibadah korban yang sinonim dengan sambutan Aidiladha setiap tahun.

Ia mengakibatkan orang ramai mengambil langkah tunggu dan lihat mengenai keadaan semasa Covid-19 kerana enggan mengeluarkan wang tempahan lebih awal sekiranya ada arahan tidak membenarkan mereka bergotong-royong melaksanakan ibadah korban.

Seorang penternak lembu di Kampung Gong Lingai di sini, Zakaria Mamat, 55, berkata, setakat semalam, 50 ekor lembu miliknya masih belum terjual walau seekor dan keadaan itu berbeza sebelum ini apabila tempahan lembu korban diterima seminggu selepas sambutan Aidilfitri.

"Ramai masih ragu-ragu kerana tiada kepastian mengenai kebenaran melakukan ibadah korban," katanya ketika ditemui Kosmo!

Ahmad Mustapha, 31, pula



NOR MUSTAQIM (kanan) menunjukkan stok dedak yang dibeli untuk dijadikan makanan lembu ternakan ketika ditemui di Kampung Paloh Chica, Tumpat semalam. - ZULHANI SIDIK

berkata, setakat ini, dia hanya menerima lima tempahan daripada 60 ekor lembu yang diternaknya.

"Kes Covid-19 masih tinggi, mungkin Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Penuh akan berlanjutan. Harga lembu pula melonjak kepada lebih RM4,900 seekor dan satu bahagian sudah cecah RM750 iaitu kenaikan RM100 berbanding tahun lepas," katanya.

Sementara itu di **Bentong, Pahang**, Zainul Zaman Mahalin, 58, memberitahu, dia enggan menjual lembu peliharaannya kerana permintaan menjunam sejak ta-

hun lalu.

"Tahun lepas dapat jual 15 ekor sahaja berbanding 70 ekor sebelum ini.

"Jika jual pun, slapa mahu ambil dan hantar? Lagipun Bentong dalam kawasan PKP Diperketatkan," katanya ketika ditemui di Kampung Lebu.

Zainul Zaman mendakwa, penternak ketika ini berdepan cabaran besar kerana bergelut dengan pandemik; kos makanan lembu yang semakin meningkat, kecurian dan penyakit.

Di **Kampung Paloh Chica**,

RM3,900 hingga RM5,000 seekor," katanya.

Katanya, penternak tidak boleh menyimpan lembu yang tidak terjual kerana akan melabatkan modal lebih besar untuk membeli dedak.

"Tidak dapat tidak, kami perlu jual juga," katanya.

Seorang lagi penternak, Khairul Afendi Mohd., 32, berkata, penternak terpaksa menanggung kos tambahan jika lembu disembelih di rumah sembelihan.

"Ia melabatkan kos tukang sembelih, permit RM21 seekor dan pengangkutan untuk agihan. Kami kena serap asalkan ibadah korban dapat dilaksanakan," katanya.

Di **Kuala Nerang, Kedah**, Abdul Hadi Yusof, 36, berkata, hanya lima daripada 150 ekor lembu dijual ketika ini.

"Ramai tidak berani kerana PKP Penuh mungkin disambung dan SOP ibadah korban belum dikeluarkan. Ketika ini satu bahagian cecah RM800 naik RM150 berbanding tahun lepas kerana semua kos naik termasuk import dari Thailand dan Australia.

Sementara itu, Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kedah, Mohd. Yusri Md. Daud berkata, ketetapan mengenai ibadah korban dibuat selepas pengumuman prosedur operasi standard daripada Majlis Keselamatan Negara dikeluarkan.

Tumpat, Kelantan, Nor Mustaqim Zulbahrin, 23, pula bimbang sekiranya modal RM100,000 yang digunakan untuk membeli 40 ekor lembu lebur sekiranya negara masih tidak menunjukkan tanda-tanda pulih daripada Covid-19.

"Saya ternak lembu yang dibeli di Jeli dan Gua Musang sejak dua bulan lalu di kandang seluas 0.4 hektar. Ada 20 ekor yang telah ditempah, namun RM1,000 baru dibayar sebagai deposit.

"Jika tiada korban, saya akan tanggung rugi dan deposit dipulangkan. Saya jual antara

Penternak lembu, kambing tersepit kos makanan meningkat, SOP lambat umum

Harga bahagian korban lebih mahal

Oleh ZAKI SALIH, MUHAMMAD ZIKRI, NOOR HASLIZA NUSI dan ABDUL RAZAK IDRIS

PETALING JAYA - Bagalkan tiada kesudahan apabila setiap kali menjelang musim perayaan, harga barangan pasti meningkat.

Tinjauan Kosmo di Selangor, Johor, Perak dan Pulau Pinang mendapati harga satu bahagian lembu dan kambing korban sempena Hari Raya Aidiladha pada bulan hadapan didapati naik antara RM50 hingga RM100.

Harga makanan haiwan terutama dedak meningkat didakwa menjadi salah satu faktor penyumbang.

Di Selangor, harga satu bahagian daging lembu korban adalah RM750 berbanding RM650 pada tahun sebelumnya.

Seorang penternak, Saipol Azmir, 37, berkata, harga makanan haiwan naik sehingga 30 peratus menyebabkan penternak terpaksa menjual lembu mahal sedikit pada tahun ini.

"Perkara ini (harga) bukan baharu, sebaliknya kami hadap setiap tahun. Pihak berkuasa sepatutnya kawal kenaikan supaya harga lembu korban lebih terkawal.

"Harga seekor lembu dianggarkan RM4,500 tahun lalu. Disebabkan kos makanan naik, kini harga haiwan ini mencecah RM4,850 seekor," katanya ketika ditemui Kosmo semalam.

Menurutnya, bagi yang melakukan korban mengikut bahagian pula, setiap satunya mengalami kenaikan antara RM50 hingga RM100.



PENTERNAK perlu memastikan haiwan peliharaan mereka dalam keadaan baik sebelum dijual untuk tujuan korban.

Seorang lagi penternak, Muhammad Faizol Harol Hisham, 32, berkata, kenaikan harga lembu turut didorong kos pematuan prosedur operasi standard (SOP). "Sebelum ini saya jual lembu sahaja, namun disebabkan pematuan SOP seperti penyembelihan dan melapah, kosnya perlu dibayar," katanya.

Di Johor, penternak lembu dan kambing turut mendakwa kos bahan makanan yang semakin mahal sejak akhir-akhir ini dan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebagai punca kenaikan harga ternakan korban.

Mohd. Azuad Rahmat, 32, berkata, penternak tidak berniat untuk mengambil kesempatan sebaliknya kenaikan itu adalah untuk mengimbangi kos pengu-

rusan yang naik berkali ganda.

"Untuk memelihara 50 ekor kambing, saya perlu RM1,000 untuk beli dedak, kacang soya dan pokok jagung kisar. Kos ini tidak termasuk ubat-ubatan untuk mencegah penyakit," katanya.

Jelasnya, harga seekor kambing mencecah RM1,400 tahun ini berbanding RM1,000 hingga RM1,300 pada tahun lalu. Bagi Janizal Mokmin, 41, pula, harga lembu dianggarkan RM4,000 hingga RM6,000 seekor mengikut saiz, manakala bahagian pula RM640 hingga RM780.

"Berdasarkan Pekeliling Jabatan Agama Islam Johor yang terbaharu, kerja-kerja melapah, memotong, menimbang dan membungkus dilakukan di rumah sembelihan berdaftar," ujarnya.



JANIZAL memberi makanan kepada lembu di kandang ternakan miliknya di Pekan Nanas, Pontian, Johor.

Di Perak, penternak memberitahu kenaikan harga ternakan korban tidak dapat dielakkan berikutan peningkatan operasi yang semakin tinggi.

Mereka mendakwa kenaikan harga dedak menyebabkan penternak besar dan kecil sama-sama terbeban.

Bagi penternak dikenali sebagai Mohd. Jani, isu kenaikan harga makanan haiwan berlarutan setiap kali musim perayaan.

"Harga palet (makanan lembu) naik enam kali sejak Disember lalu, jualan ternakan pula agak perlahan tahun ini. Dedak paling murah dijual RM38 hingga RM40 seguni 50 kilogram (kg), ini diluar kawalan kami," katanya.

Di Pulau Pinang, langkah syarikat pengeluar makanan haiwan

menaikkan harga RM2 bagi setiap bungkusan 50kg bahan itu dipercayai berpunca daripada peningkatan bahan mentah di pasaran.

Seorang penyelia kilang pengeluar dedak yang dikenali sebagai Tan berkata, pihaknya tidak rampu bertahan sekiranya masih mengekalkan harga sama. Kenaikan itu sudah pasti meresahkan penternak selain penularan penyakit Lumpy Skin Disease (LSD).

Seorang penternak yang dikenali sebagai Nordin, 45, berkata, dia tergamam selepas menerima notis kenaikan harga makanan ternakan kelmarin.

"Kali terakhir kenaikan adalah RM1.50 sebungkus bulan lalu. Kami dihiimpit masalah yang bertimpa-timpa," katanya.

Kerajaan digesa umum segera SOP ibadah korban

PETALING JAYA - Kerajaan diminta supaya mengemukakan segera prosedur operasi standard (SOP) pelaksanaan ibadah korban pada tahun ini bagi memudahkan umat Islam membuat persiapan awal.

Difahamkan, setakat ini, tiada sebarang pengumuman dibuat berhubung kebenaran pelaksanaan ibadah itu meskipun sambutan Aidiladha hanya bakal kira-kira 40 hari lagi.

Pengerusi Masjid Haji Kasim di Kampung Makam, Pulau Pinang, Syed Hassan Syed Kechik berkata, kelewatan berbuat demikian bakal menjejaskan persiapan termasuk urusan membeli haiwan sembelihan.

"Kami masih tertanya-tanya sama ada ibadah korban dibenarkan pada tahun ini atau sebaliknya. Jika dibenarkan, kami mahu buat persiapan awal.



MUHAMMAD HAFIZAL

"Banyak perkara yang perlu dirancang antaranya urusan membeli lembu kerana ia bukan melibatkan seorang individu sahaja," katanya ketika dihubungi Kosmo di sini semalam.

Menurutnya, sebagai langkah awal, pihaknya sudah mengu-



SAIFUL AFENDI

pul nama individu yang mahu menyertai ibadah itu tahun ini.

Jelas Syed Hassan, pihak masjid seterusnya akan membuat pembelian lembu selepas pengumuman SOP dibuat kerajaan bagi mengelakkan sebarang kesulitan di kemudian hari.

"Buat masa ini, kami tidak berani membeli haiwan secara terus kerana harganya hampir RM4,500 seekor. Tunggu pengumuman dulu," jelasnya.

Beliau turut berharap kerajaan dapat membenarkan pelaksanaan ibadah itu walaupun perlu mematuhi SOP ketat.

Di Pahang, saranan sama turut dibuat Pegawai Komunikasi Masjid Taman Temerloh Jaya, Temerloh, Saiful Afendi Ismail yang mahu perkara itu dimuktamadkan lebih awal supaya persediaan rapi dapat dilakukan menjelang Julai ini.

"Kita sedia maklum pandemik Covid-19 semakin menular ketika ini, jadi pelaksanaan ibadah korban terus menjadi persoalan.

"Kami harap keputusan mengenai pelaksanaan ibadah korban sama ada dibenarkan atau sebaliknya dibuat segera," katanya.

Menurutnya, pihak masjid dan masyarakat Islam di Temerloh akur dengan apa juga keputusan pihak berkuasa dalam usaha mengesahkan jangkitan Covid-19.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Kemakmuran Kampung Kampung Paya Keladan, Temerloh, Mohamad Hafizal Mahmood memberitahu, makluman awal mengenai SOP korban penting bagi membolehkan penduduk membuat kutipan membeli haiwan korban.

"Ada penduduk yang beradang serta korban, tetapi masih tunggu keputusan kerajaan.

"Mereka (penduduk) ada bertanyakan hal ini kepada saya, namun saya minta mereka tunggu dahulu sehinggalah kerajaan membuat pengumuman mengenai perkara itu," ujarnya.